

Analisis Tindak Balas Pelajar Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di MOOCs pada Era Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19

(Analysis of Student's Response in MOOCs for Design Blended Learning Courses in the Era Before and During the Pandemic COVID-19)

Nuratiqa Kamarudin^{1*}, Muhammad Helmi Norman^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p106237@siswa.ukm.edu.my, helmi.norman@ukm.edu.my

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.2>

Abstrak: Pendidikan dan teknologi saling berkaitan seiring dengan perubahan zaman termasuklah pembelajaran dalam talian. Kursus dalam talian terbuka besar atau dikenali sebagai MOOCs (Massive Open Online Courses) adalah sebuah alternatif perkhidmatan pendidikan secara terbuka dan jarak jauh kepada pelajar secara percuma. Kajian lepas menyatakan bahawa kadar pelajar yang tidak menyelesaikan kursus adalah tinggi. Justeru itu, kajian ini berobjektifkan untuk menganalisis tindak balas pelajar dalam Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun pada era sebelum dan semasa tempoh pandemik COVID-19 dijalankan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kaedah pembelajaran yang berkesan dan cara penyelesaian bagi isu pelajar tidak menyelesaikan Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di MOOCs. Kajian ini berbentuk kajian kes yang melibatkan 464 pelajar yang aktif daripada 1008 pelajar yang telah berdaftar sebagai pelajar Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun dan termasuklah 4 pelajar yang telah menyelesaikan kursus untuk ditemubual. Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif melalui teknik analisis dokumen dan temu bual. Pengumpulan data pula berpandukan rekod pembelajaran pelajar bagi Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun yang disenaraikan di platform OpenLearning. Kajian ini dianalisis berdasarkan tinjauan deskriptif SPSS dengan menggunakan peratusan dan disokong dengan kenyataan pelajar yang ditemubual. Kesimpulannya, kajian ini mendapati kaedah pembelajaran yang berkesan adalah penggunaan video. Selain itu, antara penyelesaian bagi isu pelajar tidak menyelesaikan kursus termasuklah penambahbaikan fasiliti, kemahiran penyampaian maklumat secara dalam talian dan peluang galakan. Kajian ini berharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menghebahkan pembelajaran MOOCs kepada sekolah supaya dapat memberi nilai tambah kemahiran sendiri dan pengetahuan kepada pelajar dan pengajar selari dengan kehendak Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).

Kata kunci: COVID-19, Tindak balas pelajar, MOOCs, Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun, Kaedah pembelajaran

Abstract: Education and technology are interconnected in line with the changing times including online learning. Massive open online courses or known as MOOCs is an alternative open and long distance education services for students. Past studies have stated that the rate

of students not completing courses is high. Therefore, the objective of the study is to analyze the responses of students in the Blended Learning Design Course in the era before and during the pandemic COVID-19. In addition, this study also aims to identify an effective learning methods and solutions for the issue of students not completing the Blended Learning Design Course in MOOCs. This study is a case study involving 464 active students out of 1008 students who have registered as students of the Blended Learning Design Course and includes 4 students who have completed the course to be interviewed. This study uses qualitative research through document analysis and interview techniques. Data collection is based on student learning records for the Blended Learning Design Course listed on the platform OpenLearning. This study was analyzed based on a descriptive survey of SPSS using percentages and supported by student statements. In conclusion, this study found that the response of students of the Blended Learning Design Course during a pandemic was better than before a pandemic and an effective learning method is the use of video. In addition, among the solutions to the issue of students not completing the course include the improvement of facilities, online information presentation skills and incentive opportunities. This study hopes to help the Ministry of Education Malaysia (MOE) to disseminate MOOCs learning to schools in order to provide added value of skills and knowledge to students and instructors continuously with the requirements of 21st Century Learning (PAK21).

Keywords: COVID-19, Student's Response, MOOCs, Blended Learning, Learning Methods

1. Pengenalan

Koronavirus atau lebih dikenali sebagai COVID-19 kini semakin berkembang di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menemui varian virus SARS-CoV-2 (VOC) dimana virus tersebut lebih mudah merebak dan lebih sukar dikesan melalui ujian makmal yang sedia ada. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2020), kes di Malaysia sejak 3 Januari 2020 hingga 17 Oktober 2021, terdapat 2,390,687 kes COVID-19 yang disahkan dengan 27,921 kematian. Sebilangan besar pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19 akan mengalami kesesakan pernafasan dan pulih tanpa memerlukan rawatan khas. Menurut WHO, wabak COVID-19 juga dijangka tidak berakhir pada masa yang singkat.

Pada 18 Mac 2020, perdana menteri mengishtiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah usaha untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Kesemua institusi pendidikan ditutup lalu revolusi sistem pendidikan dapat dilihat apabila pelajar menggunakan teknologi alam maya untuk belajar sepanjang tempoh PKP di negara ini. Pembelajaran atas talian merupakan alternatif kelangsungan aktiviti pendidikan semasa dalam krisis pandemik COVID-19. Menurut Nor Aziah dan Mohd Taufik (2016) pula, pembelajaran dalam talian merupakan sistem penyampaian ilmu secara elektronik yang biasanya lebih dikenali sebagai sistem pengurusan pembelajaran, sistem pembelajaran virtual, dan sistem pengurusan kandungan yang disokong dengan isi pembelajaran dan kemudahan infrastruktur.

Selain itu, Rosfazliah dan Nurul (2020) juga berpendapat bahawa proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian adalah lebih mudah dan berkesan. Walaubagaimanapun, Munirah (2021) menyatakan bahawa pembelajaran bersemuka lebih mudah diterima oleh pelajar dibandingkan dengan pembelajaran dalam talian dan akan diterima dengan baik jika kemudahan peralatan seperti komputer peribadi dan aliran internet tanpa had sedia berada di rumah. Hal demikian bertepatan dengan pembelajaran secara dalam talian

mempunyai kekangan untuk diaplikasikan terutama semasa penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Secara umumnya, MOOCs adalah alternatif platform baru yang fleksibel untuk menimba ilmu walau berada dimana sahaja tanpa mengira masa secara percuma dan berbayar. Malangnya, terdapat kadar peratusan yang tinggi pelajar yang berdaftar tidak menyelesaikan kursus yang mereka telah daftar. Walaupun terdapat banyak kelebihan sedia ada, masih ramai pelajar tidak dapat menyelesaikan kursus yang telah didaftar. Merujuk kepada kajian Wei et al. (2019), kajian menyatakan nisbah keciciran tinggi adalah masalah serius dan mencerminkan tahap motivasi yang lemah dalam pembelajaran dalam talian. Gilly et al. (2017) juga ada membincangkan pemahaman dan praktik mengenai reka bentuk pembelajaran MOOCs dan motivasi dan jangkaan pelajar.

Selain itu, Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun dipilih sebagai kursus yang dikaji dalam kajian merujuk kepada Waleed et al. (2019) dimana artikel berkaitan komputer sains dan MOOCs merupakan artikel paling terbanyak dianalisis dalam kajian pengkaji iaitu sebanyak 28.8%. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis tindak balas pelajar bagi Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di MOOCs pada era sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, hal ini juga untuk mengenalpasti kaedah pembelajaran yang berkesan dan penyelesaian bagi merendahkan kadar pelajar tidak menyelesaikan kursus yang didaftar.

Kajian terdahulu seperti Wei et al. (2019), Gilly et al. (2017) and Meina, Curtis dan Min (2020) membuat kajian berkaitan hubungan isu peningkatan pelajar tidak menyelesaikan kursus dengan motivasi pelajar di MOOCs. Oleh itu, kajian ini pula dijalankan untuk menganalisis tindak balas pelajar untuk mengkaji kaedah pembelajaran dan penyelesaian isu pelajar tidak menyelesaikan kursus. Antara objektif kajian yang dibincangkan termasuklah;

- i. Menganalisis perbezaan tindak balas pelajar dalam Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun pada era sebelum dan semasa pandemik COVID-19.
- ii. Menenalpasti kaedah pembelajaran berkesan dalam Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di platform OpenLearning.
- iii. Menenalpasti penyelesaian bagi mengurangkan kadar pelajar tidak menyelesaikan Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di platform OpenLearning.

2. Ulasan Kajian Lepas

MOOC ialah kursus besar-besaran memandangkan bilangan peserta yang didaftarkan di seluruh dunia bagi setiap kursus, diakses secara terbuka dan tersedia dalam talian. (Rajiv, Piyush & Tejinder, 2019). Idea asas MOOC ialah kebolehcapaian, kerana sesiapa sahaja boleh mengambil bahagian dengan bekerja secara kolaboratif sama ada untuk memperoleh pengetahuan baharu atau mengembangkan pengetahuan sedia ada. (Olga & Wilfried, 2017). MOOC adalah jauh berbeza daripada bilik darjah tradisional dari segi peranan dan tanggungjawab pengajar dan pelajar, pelajar yang berjaya dikehendaki mengarahkan sendiri dalam persekitaran pembelajaran MOOC (Meina, Curtis dan Min, 2017). MOOC juga merupakan kelas dalam talian di mana sesiapa sahaja boleh mengambil bahagian, tanpa mengira lokasi, dalam kebanyakan kes secara percuma. (Olga & Wilfried, 2017; Rajiv, Piyush & Tejinder, 2019; Waleed et al., 2019; Ali, 2020; Wei et al., 2019). Ianya memberi peluang kepada pelajar untuk menguruskan masa mereka sendiri untuk membangunkan motivasi intrinsik dan komitmen mereka terhadap kursus (Olga & Wilfried, 2017). Platform seperti


rangkaiannya menyediakan akses mudah kepada MOOC dengan komuniti pengguna yang besar. Oleh kerana kos kursus dalam talian adalah percuma, pelajar merasakan kursus itu tidak penting untuk mereka. (Wei et al., 2019).

Kajian lepas mendapati aspek motivasi pelajar memberi impak kepada isu pelajar tidak menyelesaikan kursus (Wei, 2019; Gilly, 2017; Meina, 2020; Lloyd, 2020). Mereka mengambil berat akan kualiti pembelajaran, kos (Lloyd, 2020) dan kemahiran memantau diri (Meina, 2020; Daeyeoul, 2020; Wei, 2020). Kualiti pembelajaran berdasarkan kemahiran guru dan model yang didirikan. Kajian Ali (2020); Rajiv (2019); Daeyeoul, Sunnie & William (2020) ada menyentuh tentang kemahiran guru yang tinggi mengenai teknologi akan lebih membantu dalam membangunkan kaedah pembelajaran yang lebih berkesan. Model yang membantu pengajar MOOC dan pereka bentuk pengajaran lebih memahami dan terbukti berkesan dalam meningkatkan kepuasan pelajar dan hasil pembelajaran (Meina, 2020; Olga, 2017; Mariam, 2019). Kajian Daeyeoul, Sunnie & William (2020) meramalkan persepsi keberkesanan ketara oleh kedua-dua strategi pembelajaran sendiri dan nilai tugas serta aktiviti meta-kognitif selepas pembelajaran, penstrukturan persekitaran, dan pengurusan masa juga ketara keberkesanan.

Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun memberi pendekatan mendalam untuk belajar dan menggunakan teknologi pembelajaran dalam talian juga dijumpai berkaitan secara logik dengan terhadap reka bentuk dalam talian dan penilaian sumbangan dalam talian, dan markah kursus yang lebih tinggi; sedangkan pendekatan bersemuka untuk belajar dan menggunakan teknologi pembelajaran dalam talian dikaitkan dengan persepsi beban kerja pembelajaran dalam talian yang tidak seimbang. (Ellis & Bliuc, 2016; Ellis & Bliuc, 2019; Han & Ellis, 2020a). Ini kerana model pembelajaran teradun dirancang dalam bentuk sistem dalam talian sehingga proses pembelajaran dapat berlaku di mana sahaja dan dengan mudah melakukan perkongsian bahan, dengan mudah melakukan perbincangan melalui forum, melakukan ujian atau latihan masalah dengan mudah, bahan tersebut dapat dikemas dalam bentuk gambar, teks, dan ringkasan yang dilengkapi dengan video. (Ariawan et al., 2020)

Menurut kajian Dimitra et al. (2017) reka bentuk pedagogi dan kaedah penilaian komuniti penyelidikan dalam talian yang dibentuk dalam kursus latihan pembelajaran teradun mengenai penceritaan digital yang ditujukan kepada guru sekolah rendah. Hal ini diperakui bahawa penyertaan dalam kursus latihan pembelajaran teradun di mana pelajar dan guru jarang bertemu muka, berpotensi menjadi pengalaman yang agak sunyi, mengasingkan diri, dan entah bagaimana membingungkan kita cuba meningkatkan perasaan kehadiran sosial. Penggunaan video merupakan kaedah pembelajaran yang paling popular yang digunakan di MOOC (Wiratama, Dedi & Henry, 2020; Amanina & Hafizah, 2020; Bani, 2020). Kajian mendapati bahawa penggunaan video memberi kesan positif kepada pemahaman pelajar. Selain itu, terdapat juga kaedah pembelajaran yang sering digunakan di MOOC ialah pemahaman artikel, kajian kes, perkongsian pengalaman dan tugas (Surya, 2021). Terdapat juga kaedah diimplentasi berdasarkan model learning management system (LMS) (Phie, 2021).

Berdasarkan teori-teori dan objektif kajian, Rajah 1 merupakan cadangan kerangka konsep bagi kajian ini. Tindak balas yang diberikan oleh pelajar sepanjang dalam pengajian kursus telah di rekod dalam rekod pembelajaran. Berdasarkan rekod pembelajaran kursus, tindak balas pelajar dianalisis untuk mengenalpasti penglibatan pelajar terhadap kaedah pembelajaran yang diimplikasikan pada setiap topik dan penyelesaian pelajar tidak menyelesaikan kursus. Selain itu, temubual juga dijalankan untuk mendapatkan pernyataan sokongan daripada pelajar yang di temubual.




Rajah 1: Kerangka Konsep

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan penyelidikan jenis kualitatif dengan mengumpulkan maklumat dan penerokaan bagi menjawab persoalan kajian. Strategi kajian ini adalah kajian kes dan teknik kajian pula adalah kombinasi temu bual dan analisis dokumen. Kajian ini telah mengumpul data dari Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun pada 21 April 2021. Di samping itu, temu bual pula telah dilakukan pada bulan Jun 2021.

Sampel merupakan kumpulan kecil daripada populasi yang ingin dikaji bagi sebuah kajian. Populasi kajian ini adalah pelajar yang berdaftar bagi Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di platform OpenLearning iaitu seramai 1008 orang pelajar. Memandangkan kajian ini telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan, sampel yang dipilih adalah pelajar yang aktif menjalani Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di platform OpenLearning iaitu seramai 464 orang pelajar dan kajian ini juga telah memilih 2 orang pelajar yang telah menyelesaikan kursus sebelum pandemik COVID-19 dan 2 orang pelajar yang telah menyelesaikan kursus semasa pandemik COVID-19 untuk ditemubual. Kajian ini menggunakan dua instrumen dalam kajian untuk dianalisis iaitu analisis dokumen dan temu bual bersama pelajar yang telah melengkapkan kursus. Kedua-dua instrument ini bertujuan untuk mengumpul maklumat penglibatan pelajar dan kaedah pembelajaran di MOOCs dianalisis untuk mencapai penyelesaian isu peningkatan kadar pelajar tidak melengkapkan kursus. Analisis dokumen dilakukan dengan menggunakan rekod pembelajaran daripada Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun.

Seterusnya, kaedah temu bual pula dilakukan kepada 4 orang pelajar yang telah menyelesaikan kursus. Akan tetapi, pemilihan pelajar yang ditemubual dipilih dari dua tempoh masa yang berlainan dimana 2 pelajar telah menyelesaikan kursus sebelum pandemik COVID-19 dan 2 pelajar lagi semasa pandemik COVID-19. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dari pelajar dalam menyelesaikan kursus yang telah didaftar oleh pelajar. Selain itu, temu bual ini dijalankan secara semi berstruktur.



Rajah 2: Proses Pengumpulan Data

Rajah 2 menunjukkan proses pengumpulan data bagi analisis rekod pembelajaran secara terperinci yang melibatkan pelajar yang berdaftar bagi Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di platform OpenLearning. Prosesnya merangkumi 5 langkah: (1) membina senarai pelajar awal menggunakan ID pengguna dan kursus dan kumpulkan rekod pembelajaran terperinci; (2) membina senarai kursus lengkap dengan mengambil kursus dari rekod pembelajaran; (3) mengumpulkan data pembelajaran, seperti ulasan, soal Jawab, dan nota; (4) mengumpulkan data kursus, seperti instruktur, penilaian keseluruhan, dan lain-lain; (5) mengumpulkan data pelajar, seperti waktu pendaftaran, pekerjaan, dan hubungan sosial, untuk semua pelajar.

Di samping itu, tatacara penganalisa data bagi rekod pembelajaran berdasarkan maklumat pelajar, maklumat kursus dan data tindak balas pelajar. Maklumat pelajar dan kursus dianalisis berdasarkan graf peratusan untuk mendapatkan maklumat yang berasas. Selain itu, rekod pembelajaran bagi tindak balas setiap topik kursus dianalisis berdasarkan tinjauan deskriptif SPSS dengan menggunakan peratusan. Peratusan berikut akan menunjukkan kadar penglibatan pelajar terhadap kaedah pembelajaran yang disediakan oleh Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun tersebut. Prosedur pelaksanaan kajian pula menggunakan Model ASSURE (Heinich, 1992) iaitu;

- i. **Analyze the learner (Analisis pelajar)** - Data kajian melibatkan pelajar yang berdaftar di Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun dibawah platform OpenLearning. Maklumat dan tindak balas pelajar telah dianalisis dalam kajian ini.
- ii. **State objectives (Kenalpasti objektif)** - Objektif kajian dikenalpasti berdasarkan masalah kajian. Berdasarkan maklumat kajian, objektif yang dicadangkan dapat dicapai melalui kajian ini.
- iii. **Select media & material (Pilih media & bahan)** - Pemilihan media dan bahan dalam kajian ini adalah merujuk kepada pemilihan maklumat iaitu data penglibatan pelajar dan kaedah pembelajaran setiap topik kursus.
- iv. **Utilize media & material (Guna media & bahan)** - Penggunaan media dan bahan tersebut dapat membantu dalam mencapai objektif kajian.
- v. **Require learner participation (Penglibatan pelajar)** - Dalam kajian ini, penglibatan pelajar selepas melengkapkan kursus adalah pelajar yang ditemu bual. Pelajar ditemu bual untuk mendapatkan data sokongan bagi meningkatkan kebolehpercayaan data.
- vi. **Evaluate & revise (Menilai & semak)** - Data yang dianalisis dinilai dan disemak agar lebih bermakna.tatacara penganalisa data rekod pembelajaran dianalisis berdasarkan tinjauan deskriptif SPSS dengan menggunakan peratusan.

4. Dapatan Kajian

Maklumat Pelajar

Jadual 1 menunjukkan taburan pelajar mengikut jantina dalam tempoh sebelum dan semasa PKP COVID-19.

Jadual 1: Taburan Pelajar mengikut Jantina

Jantina	Tempoh sebelum PKP COVID-19		Tempoh semasa PKP COVID-19	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	108	32	47	37
Perempuan	230	68	79	63
Jumlah	338	100	126	100

Jadual 2 menunjukkan status keaktifan pelajar dalam menyertai Kursus Reka Bentuk Teradun sebelum dan semasa tempoh pandemik COVID-19. Status keaktifan berdasarkan peratusan kemajuan pelajar dalam menyelesaikan kursus tersebut. Terdapat seramai 824 pelajar berdaftar sebelum tempoh pandemik tetapi hanya 338 sahaja pelajar yang aktif menyelesaikan kursus ini dan seramai 184 pelajar yang berdaftar semasa tempoh pandemik tetapi hanya 126 pelajar yang aktif menyelesaikan kursus ini.

Jadual 2: Status Keaktifan Pelajar

Status Aktif	Bukan tempoh COVID-19	Tempoh COVID-19	Jumlah
Tidak	486	58	544
Ya	338	126	464
Jumlah	824	184	1008

Jadual 3: Tempoh Masa Pelajar Menyelesaikan Kursus

Tempoh masa	Bukan tempoh COVID-19		Tempoh COVID-19	
<1 bulan	34	10%	55	45%
2 bulan	7	11%	1	8%
3 bulan	37	11%	10	7%
4 bulan	36	24%	9	4%
5 bulan	81	5%	5	2%
>5 bulan	17	2%	2	1%
N/A	130	38%	40	33%
Jumlah	342		122	

Maklumat Kursus

Kursus Reka Bentuk Pembelajaran ini berplatformkan OpenLearning yang melibatkan seramai 1008 pelajar sejak Oktober 2017 sehingga April 2021. Kursus ini menyentuh tentang konsep pembelajaran teradun dan memberi pendedahan tentang bagaimana merancang kursus pembelajaran teradun dengan menggunakan reka bentuk instruksional. Kursus ini secara khusus memfokuskan pada model ADDIE (analisis, reka bentuk, pengembangan, pelaksanaan, penilaian) sebagai pendekatan reka bentuk instruksional dalam mendorong pengembangan kursus pembelajaran teradun. Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun merangkumi 10 topik. Jadual 4 menunjukkan peratusan pelajar menyelesaikan topik. Melalui jadual ini, kajian boleh mendapati kaedah pembelajaran yang berkesan dengan membandingkan peratusan pelajar dalam menyelesaikan topik.

Jadual 4: Peratusan Pelajar Menyelesaikan Topik

TOPIK	Bilangan Pelajar	%	Kaedah
T1 (a)	321	69%	Video dan rujukan
T1 (b)	63	14%	Video conference
T2 (a)	295	64%	Video pengenalan
T2 (b)	183	39%	Video model
T3 (a)	183	39%	Kajian kes
T3 (b)	325	70%	Video contoh
T4 (a)	180	39%	Artikel
T4 (b)	163	35%	Pengalaman
T5	174	38%	Coggle
T6 (a)	211	45%	Video bergrafik
T6 (b)	53	11%	Canva
T6 (c)	171	37%	Videoscribe
T6 (d_e)	238	51%	Platagon, pandangan
T7	161	35%	Perkongsian bahan

T8 (a)	162	35%	Pengalaman penilaian
T8 (b)	136	29%	Pengalaman analitik
T8 (c)	159	34%	Artikel
T9 (a)	181	39%	Reka bentuk model
T9 (b)	137	30%	Pengalaman kursus
T9 (c)	128	28%	Tugasan platagon
T9 (d)	50	11%	Tugasan grafik
T9 (e)	103	22%	Tugasan tutorial
T10	139	30%	Pengalaman MOOC

Tindak Balas Pelajar berdasarkan Topik

Topik 1: Apakah Pembelajaran Teradun?

Jadual 5 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 1 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, sebelum berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 1(a) adalah 70.7% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar semasa tempoh penularan COVID-19 iaitu 65.1%. Walaubagaimana pun, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 1(b) semasa penularan COVID-19 adalah 16.7% lebih tinggi berbanding jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 12.4%.

Jadual 5: Peratusan Tindak balas Pelajar bagi Topik 1

Tempoh COVID-19	Topik 1	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	21	6.2
		Gambar	20	5.9
		Teks sahaja	198	58.6
		N/A	99	29.3
	(b)	Link	2	0.6
		Gambar	3	0.9
		Teks sahaja	37	10.9
		N/A	296	87.6
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	3	2.4
		Gambar	13	10.3
		Teks sahaja	66	52.4
		N/A	44	34.9
	(b)	Link	0	0
		Gambar	2	1.6
		Teks sahaja	19	15.1
		N/A	105	83.3
JUMLAH			126	100

Topik 2: Apakah Reka Bentuk Pengajaran dan mengapakah digunakan untuk Pembelajaran Teradun?

Jadual 6 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 2 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 2(a) adalah 82.5% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar sebelum tempoh penularan COVID-19 iaitu 56.5%. Walaubagaimana pun, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 2(b) sebelum penularan COVID-19 adalah 39.9% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar semasa penularan COVID-19 iaitu 38.1%.

Jadual 6: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 2

Tempoh COVID-19	Topik 2	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	16	4.7
		Gambar	8	2.4
		Teks sahaja	167	49.4
		N/A	147	43.5
	(b)	Link	13	3.8
		Gambar	27	8
		Teks sahaja	95	28.1
		N/A	203	60.1
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	1	0.8
		Gambar	2	1.6
		Teks sahaja	101	80.2
		N/A	22	17.5
	(b)	Link	3	2.4
		Gambar	13	10.3
		Teks sahaja	32	25.4
		N/A	78	61.9
JUMLAH			126	100

Topik 3: Kajian Kes

Jadual 7: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 3

Tempoh COVID-19	Topik 3	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	4	1.2
		Gambar	5	1.5
		Teks sahaja	128	37.9
		N/A	201	59.5
	(b)	Link	36	10.7
		Gambar	9	2.7
		Teks sahaja	172	50.9
		N/A	121	35.8
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	1	0.8
		Gambar	1	0.8
		Teks sahaja	44	34.9
		N/A	80	63.5
	(b)	Link	0	0
		Gambar	3	2.4
		Teks sahaja	105	83.3
		N/A	18	14.3
JUMLAH			126	100

Jadual 7 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 3 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, sebelum berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 3(a) adalah 40.5% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar semasa tempoh penularan COVID-19 iaitu 36.5%. Walaubagaimanapun, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 3(b) semasa penularan COVID-19 adalah 85.7% lebih tinggi berbanding jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 64.2%. Hal ini juga menunjukkan pelajar semasa penularan COVID-19 lebih aktif berbanding pelajar sebelum penularan COVID-19.

Topik 4: Fasa Analisis

Jadual 8: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 4

Tempoh COVID-19	Topik 4	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	27	8
		Gambar	14	4.1
		Teks sahaja	85	25.1
		N/A	212	62.7
	(b)	Link	3	0.9
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	111	32.8
		N/A	224	66.3
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	7	5.6
		Gambar	11	8.7
		Teks sahaja	36	28.6
		N/A	72	57.1
	(b)	Link	0	0
		Gambar	6	4.8
		Teks sahaja	43	34.1
		N/A	77	61.1
JUMLAH			126	100

Jadual 8 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 4 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 4(a) adalah 42.9% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar sebelum tempoh penularan COVID-19 iaitu 37.3%. Selain itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 4(b) semasa penularan COVID-19 adalah 38.9% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 33.7%.

Topik 5: Fasa Mereka Bentuk

Jadual 9: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 5

Tempoh COVID-19	Topik 5	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	27	8
		Gambar	14	4.1
		Teks sahaja	85	25.1
		N/A	212	62.7
	JUMLAH			338
Ya	(a)	Link	7	5.6
		Gambar	11	8.7
		Teks sahaja	36	28.6
		N/A	72	57.1
	JUMLAH			126

Jadual 9 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 5 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 5 adalah 40.5% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar semasa tempoh penularan COVID-19 iaitu 36.4%.

Topik 6: Fasa Pembangunan

Jadual 10: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 6

Tempoh COVID-19	Topik 6	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	121	35.8
		Gambar	1	0.3
		Teks sahaja	30	8.9
		N/A	186	55
	(b)	Link	0	0
		Gambar	0	0

		Teks sahaja	0	0
		N/A	338	100
(c)		Link	60	17.8
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	56	16.6
		N/A	222	65.7
(d)		Link	15	4.4
		Gambar	1	0.3
		Teks sahaja	130	38.5
		N/A	192	56.8
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	58	46
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	1	0.8
		N/A	67	53.2
	(b)	Link	0	0
		Gambar	53	42.1
		Teks sahaja	0	0
		N/A	73	57.9
	(c)	Link	53	42.1
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	2	1.6
		N/A	71	56.3
	(d)	Link	0	0
		Gambar	1	0.8
		Teks sahaja	91	72.2
		N/A	34	27
JUMLAH			126	100

Jadual 10 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 6 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 6 (a) adalah 46.8% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar sebelum tempoh penularan COVID-19 iaitu 45.0%. Selain itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 6 (b) semasa penularan COVID-19 adalah 42.1% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19. Disamping itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 6 (c) semasa penularan COVID-19 adalah 43.7% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 43.2%. Bagi Topik 6 (d) pula, jumlah tindak balas pelajar semasa penularan COVID-19 adalah 73.0% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19. Hal ini menyokong Topik 4 dimana pelajar semasa penularan COVID-19 lebih berinteraksi berbanding dengan pelajar sebelum penularan COVID-19.

Topik 7: Fasa Pelaksanaan

Jadual 11: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 7

Tempoh COVID-19	Topik 7	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	16	4.7
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	92	27.2
		N/A	230	68
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	2	1.6
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	51	40.5
		N/A	73	57.9
JUMLAH			126	100

Jadual 11 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 7 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 5 adalah 42.1% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar semasa tempoh penularan COVID-19 iaitu 32.0%.

Topik 8: Fasa Penilaian

Jadual 12: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 8

Tempoh COVID-19	Topik 8	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	5	1.5
		Gambar	5	1.5
		Teks sahaja	98	29
		N/A	230	68
	(b)	Link	6	1.8
		Gambar	8	2.4
		Teks sahaja	71	21
		N/A	253	74.9
	(c)	Link	9	2.7
		Gambar	7	2.1
		Teks sahaja	92	27.2
		N/A	230	68
JUMLAH			338	100
Ya	(a)	Link	0	0
		Gambar	2	1.6
		Teks sahaja	52	41.3
		N/A	72	57.1
	(b)	Link	0	0
		Gambar	3	2.4
		Teks sahaja	48	38.1
		N/A	75	59.5
	(c)	Link	0	0
		Gambar	1	0.8
		Teks sahaja	50	39.7
		N/A	75	59.5
JUMLAH			126	100

Jadual 12 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 8 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 8 (a) adalah 42.9% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar sebelum tempoh penularan COVID-19 iaitu 32.0%. Disamping itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 8 (b) semasa penularan COVID-19 adalah 40.5% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 25.1%. Selain itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 8 (c) semasa penularan COVID-19 adalah 40.5% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 32.0%. Hal ini menyokong Topik 4 dan 6 dimana pelajar semasa penularan COVID-19 lebih berinteraksi berbanding dengan pelajar sebelum penularan COVID-19.

Topik 9: Perkongsian Pengalaman

Jadual 13: Peratusan Tindak balas Pelajar bagi Topik 9

Tempoh COVID-19	Topik 9	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	9	2.7
		Gambar	2	0.6
		Teks sahaja	83	24.6
		N/A	244	72.2
	(b)	Link	0	0
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	71	21
		N/A	267	79
	(c)	Link	93	27.5
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	7	2.1
		N/A	238	70.4
	(d)	Link	5	1.5
		Gambar	11	3.3
		Teks sahaja	3	0.9
		N/A	319	94.4
	(e)	Link	37	10.9
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	5	1.5
		N/A	296	87.6
JUMLAH			126	100
Ya	(a)	Link	1	0.8
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	86	68.3
		N/A	39	31
	(b)	Link	0	0
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	66	52.4
		N/A	60	47.6
	(c)	Link	21	16.7
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	7	5.6
		N/A	98	77.8
	(d)	Link	0	0
		Gambar	6	4.8
		Teks sahaja	5	4
		N/A	115	91.3
	(e)	Link	57	45.2
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	4	3.2
		N/A	65	51.6
JUMLAH			338	100

Jadual 13 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 9 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 9 (a) adalah 69.0% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar sebelum tempoh penularan COVID-19 iaitu 27.8%. Selain itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 9 (b) semasa penularan COVID-19 adalah 52.4% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 21.0%

Walaupun bagaimanapun, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 9 (c) sebelum penularan COVID-19 adalah 29.6% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 22.2%. Disamping itu, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 9 (d) semasa penularan COVID-19 adalah 8.7% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 5.6%. Bagi Topik 9 (e) pula, jumlah tindak balas pelajar semasa penularan COVID-19 adalah 48.4% lebih tinggi berbanding dengan jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19 iaitu 12.4%.

Memandangkan Topik 9 mengenai perkongsian bahan bantu mengajar daripada pelajar, hal ini membuktikan pelajar semasa penularan COVID-19 pandai membahagikan masa dan lebih berminat berbanding dengan pelajar sebelum penularan COVID-19.


Topik 10: Kesimpulan

Jadual 14: Peratusan Tindak Balas Pelajar bagi Topik 10

Tempoh COVID-19	Topik 10	Tindak Balas Pelajar	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak	(a)	Link	0	0
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	95	28.1
		N/A	243	71.9
		JUMLAH	338	100
Ya	(a)	Link	0	0
		Gambar	0	0
		Teks sahaja	44	34.9
		N/A	82	65.1
		JUMLAH	126	100

Jadual 14 menunjukkan tindak balas pelajar bagi Topik 10 sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Merujuk kepada jadual berikut, semasa berlakunya penularan COVID-19, jumlah tindak balas pelajar bagi Topik 10 adalah 34.9% lebih tinggi daripada jumlah tindak balas pelajar semasa tempoh penularan COVID-19 iaitu 28.1%. Topik 10 berkaitan dengan perkongsian perasaan pelajar terhadap MOOC, pengalaman baik, buruk dan idea penambahbaikan. Dapatan kajian mendapati pelajar kurang aktif akan topik ini adalah kerana topik ini adalah topik terakhir. Pelajar berkongsi perasaan dan pengalaman, majoriti pelajar berkongsi gembira menyertai kursus ini dan mempelajari perkara baru serta berterima kasih dengan adanya kursus ini.

Pandangan Pelajar terhadap MOOCs dan Kursus



Rajah 3: Peratusan Pandangan terhadap MOOCs dan Kursus

Rajah 3 menunjukkan pandangan pelajar yang memberi tindak balas terhadap MOOC dan Kursus. Terdapat 37% pelajar bersetuju bahawa kursus yang disampaikan memberi

pengetahuan baru kepada pelajar, 25% pelajar berpendapat kursus ini meningkatkan kemahiran sendiri pelajar, 17% bersetuju kursus ini memberi manfaat dan 11% pelajar berpandangan bahawa kursus yang disampaikan efektif dan menarik serta kurang dari 10% memberi tindak balas bahawa mereka boleh belajar mengikut masa sendiri dan boleh mengakses sumber bahan kelas dunia. Akan tetapi, terdapat juga pelajar yang memberi tindak balas akan kelemahan kursus antara tiada motivasi dan tidak mengalami suasana di kelas.

Huraian Temu Bual Pelajar terhadap Pembelajaran di Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun

Jadual 14 menunjukkan ringkasan temu bual pelajar yang membincangkan tentang tindak balas, pengalaman, kaedah dan penyelesaian. Kajian mendapati pandangan pelajar kedua-dua tempoh pandemik COVID-19 memberi kerjasama kepada temu bual dengan memberikan jawapan yang membantu dalam dapatan kajian dan tidak mempunyai perbezaan yang ketara terhadap pandangan daripada pelajar dalam tempoh atau luar tempoh pandemik COVID-19.

Jadual 14: Ringkasan Temu Bual

	Pandangan Pelajar Sebelum Tempoh Pandemik COVID-19	Pandangan Pelajar Semasa Tempoh Pandemik COVID-19
Tindak Balas	Penerangan yang tidak mencukupi akan melakukan lebih banyak penyelidikan sendiri	Ilmu MOOC ini akan diperluaskan ke sekolah bagi mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan kemahiran para guru selari dengan kehendak PAK21/IR 4.0.
	Masa untuk persediaan kelas, ia cenderung untuk menjadikan topik itu lebih menarik	Aplikasi seperti bitable, VideoScribe, Plotagon Story dan Coggles memberi peluang untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang.
Pengalaman	Proses pembelajaran yang amat bermakna dan sangat berguna bagi menghasilkan modul pengajaran	Selain daripada masalah "line" untuk melaksanakan kursus ini dengan lengkap, saya tidak menghadapi masalah lain..
	Pendidikan Jarak Jauh meletakkan tanggungjawab untuk pembelajaran mesti lebih aktif dan terarah sendiri	Guru boleh mengisi maklumat pembelajaran pada bila-bila masa dan murid juga boleh mengakses maklumat yang diberikan pada bila-bila masa
Kaedah	Melibatkan gabungan tugas seperti dalam tugas kumpulan, tugas individu, menyelesaikan tugas MOOC sendiri, mereka bentuk kursus MOOC sendiri	Bahan yang bersifat interaktif ini amat menarik kerana bersifat informative
	Pelajar boleh mengakses segala bahan yang telah dimuatnaik di sini dengan mudah. Pertukaran idea juga berlaku menerusi komen rakan-rakan. MOOC bagi subjek ini banyak membantu dari segi menambah pengetahuan menghasilkan sendiri bahan mengajar	Murid akan lebih mudah belajar dalam suasana yang kondusif dan selesa. Perkongsian idea antara murid akan mampu memberikan idea baru dan pandangan baru semasa di dalam kelas
Penyelesaian	Menyediakan peningkatan dalam Akses kepada pendidikan bagi mereka yang sebaliknya tidak mempunyai peluang lain kerana kerja, keluarga atau batasan fizikal	Langkah-langkah yang lebih detail boleh diletakkan dalam sesetengah course material terutamanya yang melibatkan cara membuat video online.
	Menyediakan modaliti pengajaran yang lebih sesuai untuk pelajar tertentu.	KPM akan menganjurkan seminar, kursus atau bengkel Blended Learning supaya semua guru diberikan pendedahan mengenai Blended Learning

5. Perbincangan

Perbezaan Tindak Balas Pelajar pada Era Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19

Perbezaan tindak balas pelajar pada era sebelum dan semasa pandemik COVID-19 dinilai melalui maklumat pada rekod pembelajaran Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun. Perbezaan ini dapat membantu kajian dalam mengkaji penglibatan pelajar dan punca mengapakah berlakunya peningkatan kadar pelajar tidak menyelesaikan kursus. Jika dibandingkan antara semasa tempoh pandemik COVID-19 dan sebelum tempoh pandemik COVID-19, dapat dilihat bahawa jumlah tindak balas pelajar tempoh semasa COVID-19 lebih aktif berbanding tempoh sebelum COVID-19. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai lebih masa untuk menyelesaikan kursus. Mereka menggunakan masa lapang untuk mempelajari ilmu tambahan menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Tindak balas pelajar yang ditemu bual pula, semasa mereka menyelesaikan kursus mereka akan melakukan penyelidikan sendiri jika penerangan tidak mencukupi dan masa adalah musuh terbesar dalam pembelajaran menggunakan MOOC. Ada juga yang menyukai pembelajaran kursus ini dimana mereka menyokong untuk berkongsi pengalaman belajar menggunakan MOOC. Secara umumnya, tiada perbezaan yang ketara terhadap tindak balas semasa bagi pelajar yang telah menyelesaikan kursus dalam tempoh pandemik COVID-19 atau sebelum pandemik COVID-19.

Kaedah Pembelajaran Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun

Kaedah pembelajaran Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun dikaji untuk mengenalpasti kaedah pembelajaran manakah yang lebih memberi galakan kepada pelajar untuk menyelesaikan kursus. Dalam kursus ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan termasuklah penggunaan video, perkongsian pengalaman, analisis artikel dan kajian sendiri. Terdapat beberapa topik menggunakan kaedah penggunaan video tetapi tidak semua memberi impak kepada pelajar.

Topik 1 dalam kajian ini telah mengupas dimana pelajar lebih berminat untuk memberikan pandangan terhadap bahan berunsurkan video bergrafik ringkas berbanding video seminar IABL 2017 yang berdurasi panjang selama 10 jam. Menurut Han & Ellis (2021) pula, pembelajaran dibentuk melalui reka bentuk pengajaran keseluruhan kursus, yang merangkumi pemilihan dan penyediaan bahan bacaan yang berkaitan dengan teliti, pilihan alat Web 2.0 yang kritikal sesuai untuk mencipta cerita digital, dan reka bentuk aktiviti dan tugas kursus yang teliti serta penilaian mereka.

Hal ini seiring dengan Topik 2 dimana topik reka bentuk pengajaran lebih diminati oleh pelajar berbanding dengan topik model ADDIE. Kajian Yang Liu. (2021) juga menjelaskan lebih daripada 90% pelajar lebih suka sumber video. Pelajar-pelajar ini berpendapat bahawa peranan sumber video sama dengan peranan kuliah guru di kelas, dan mereka dapat memutar ulang semula video sesuka hati apabila mereka menghadapi kesukaran dalam memahami pembelajaran mereka. Perkara ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berkesan adalah kaedah video bergrafik ringkas tetapi mempunyai kandungan yang bermakna.

Selain itu, kajian juga mendapati topik kajian kes akan datang lebih menarik berbanding dengan kajian kes yang sedia ada. Antara aplikasi bahan bantu mengajar yang diperkenalkan dalam kursus ini, aplikasi Coggles adalah sangat menarik untuk dipelajari dan amat membantu dalam membina bahan bantu mengajar. Kajian ini juga telah membuktikan pelajar semasa

penulisan COVID-19 lebih berinteraksi berbanding dengan pelajar sebelum penulisan COVID-19 dengan melihat rekod penyerahan tugas kursus. Kandungan pengajaran dan aplikasi yang tepat akan memberi galakan kepada pembelajaran pelajar. Hal ini disokong dengan kenyataan Dimitra et al (2017) juga menyatakan bahawa pelajar mempunyai minat untuk membaca apa peserta lain menulis atau melakukan dan merasa cukup dekat secara emosi sehingga meninggalkan maklum balas.

Disamping itu, Topik 7 berkaitan perkongsian pengalaman bahan pengajaran yang digunakan oleh pelajar telah membuktikan pelajar tidak lokek berkongsi pengalaman mereka. Akan tetapi, kaedah perkongsian antara kaedah yang kurang diminati pelajar kerana perlu menyampaikan dalam bentuk penulisan. Melalui kajian Dimitra et al (2017), pendekatan berdasarkan teori mendapati bahawa pelajar yang melaporkan diri pendekatan mendalam untuk menggunakan dalam talian teknologi pembelajaran serta persepsi positif terhadap persekitaran pembelajaran dalam talian juga diperoleh secara relatif pencapaian yang lebih tinggi dalam kursus; sedangkan mereka yang melaporkan menggunakan pendekatan permukaan dan mempunyai negatif persepsi lebih cenderung mendapat markah kursus yang lebih rendah.

Tambahan lagi, kajian Yang Liu (2021) memandangkan dari dua aspek tingkah laku pembelajaran pelajar dan kesan pembelajaran, aplikasinya kesan mod pengajaran tradisional dan mod pengajaran teradun dibandingkan dan dianalisis, dan hasilnya menunjukkan bahawa kaedah pengajaran tradisional mod pengajaran, mod pengajaran teradun dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam belajar dan meningkatkan kesan pengajaran, dan sangat membantu pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemampuan menyeluruh mereka. Akan tetapi, Topik 10 membuktikan kursus ini telah memberi kesan positif kepada pelajar yang melengkapkan kursus. Majoriti pelajar bersetuju kursus ini membantu pelajar dalam mendirikan bahan bantu mengajar dan kursus dalam talian ini patut disebarluaskan supaya dapat membantu pengajar dan pelajar yang lain.

Justeru itu, kajian mendapati Topik 1(a), 2(a) dan 3(b) melebihi 60% penglibatan pelajar. Topik berikut menggunakan kaedah video ringkas dan mempunyai kandungan ilmu berkaitan teknologi. Kajian juga mendapati pelajar kurang terlibat dalam menyelesaikan tugas melihat kepada topik 9 dimana topik ini menghendaki pelajar menyerahkan tugas mereka. Selain itu, dalam kursus ini juga banyak topik menggunakan kaedah perkongsian pengalaman bagi menyelesaikan kursus. Penglibatan pelajar hanyalah kurang dari 50% dimana pelajar kurang berminat dalam penulisan tetapi menyertai kursus hanya untuk mendengar sahaja.

Penyelesaian Isu Peningkatan Kadar Pelajar Tidak Menyelesaikan Kursus

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan status pelajar yang tidak aktif lebih tinggi berbanding pelajar yang aktif dalam menyelesaikan kursus ini. Hal ini disokong oleh kajian Yang Liu (2021) dimana kebanyakan pelajar tidak menjalankan pembelajaran autonomi sebelum kelas, dan kajian lanjut menunjukkan bahawa mereka tidak bersedia belajar sendiri sebelum kelas kerana mereka tidak tahu apa yang harus dipelajari. Dengan adanya persediaan awal daripada pelajar, ia akan membantu pelajar dalam menyelesaikan kursus tersebut.

Selain itu, pelajar ditemu bual mengakui bahawa bahan pembelajaran yang diberikan berunsur informatif dan interaktif. Cadangan penyelesaian dikongsi oleh mereka bagi membantu dalam membentasi isu pelajar tidak menyelesaikan kursus termasuklah menyediakan akses yang lebih terbuka, berharap KPM menyediakan bengkel kepada tenaga pengajar dan pengajar kursus menyediakan bahan pembelajaran lebih mendalam.

Disamping itu, antara penyelesaian lain adalah menyelaraskan penggunaan sistem kredit daripada MOOCs ke sistem kredit universiti atau institusi tinggi yang lain. Hal ini akan memberi galakan kepada pelajar dalam menyelesaikan kursus dalam talian. Sistem kredit ini akan memberikan suatu inisiatif baru untuk pelajar menjimatkan masa pelajar dalam menyelesaikan pengajian mereka dan meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian mendapati jumlah tindak balas pelajar semasa penularan COVID-19 adalah lebih tinggi berbanding jumlah tindak balas pelajar sebelum penularan COVID-19. Pelajar perempuan merupakan pelajar lebih aktif dan berminat dengan Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun di MOOCs. Selain itu, kajian ini juga telah mengenalpasti purata pelajar menyelesaikan kursus sebelum tempoh COVID-19 adalah dalam masa 3 bulan manakala semasa tempoh COVID-19, pelajar menyelesaikan kursus dalam tempoh kurang daripada sebulan. Temu bual yang dijalankan menunjukkan tidak mempunyai perbezaan yang ketara dalam tindak balas dan pandangan daripada pelajar dalam tempoh atau luar tempoh pandemik COVID-19. Terdapat pelajar bersetuju bahawa kursus yang disampaikan memberi pengetahuan baru kepada pelajar dan meningkatkan kemahiran sendiri pelajar. Akan tetapi, terdapat juga pelajar yang memberi tindak balas akan kelemahan kursus antara tiada motivasi dan tidak mengalami suasana dikelas.

Kajian yang dijalankan juga mendapati tindak balas pelajar Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun semasa pandemik lebih baik berbanding sebelum pandemik. Hal ini membuktikan pelajar semasa penularan COVID-19 pandai membahagikan masa dan lebih berminat berbanding dengan pelajar sebelum penularan COVID-19. Perkara ini dapat menyimpulkan bahawa pelajar lebih berminat dengan video ringkas dan bermakna berbanding dengan kaedah perkongsian, analisis artikel dan video panjang. Kaedah pembelajaran yang berkesan ini memberi manfaat kepada semua sama ada rakan pendidik dan pelajar. Antara penyelesaian yang dapat dikenalpasti termasuklah persediaan awal pelajar, memasukkan sistem kredit yang boleh digunapakai dalam sistem kredit di institusi dan memberi penerangan yang lebih mendalam terhadap semua topik agar pelajar akan lebih galak meneruskan pembelajaran.

Justeru itu, MOOC merupakan medium yang terbaik dan bermanfaat yang boleh digunakan dalam pembelajaran kerana pembelajaran tidak perlu hanya berlaku di dalam kelas sebaliknya boleh dijalankan di mana-mana selagi capaian internet tidak menjadi masalah. MOOC ini hendaklah dihebahkan kepada sekolah dan masyarakat supaya dapat memberi nilai tambah kemahiran dan pengetahuan pada seseorang dan tentunya ilmu yang diperolehi dapat digunakan dalam alam pekerjaan dan selari dengan kehendak PAK21. Pendedahan kepada pelajar sekolah menengah kepada pembelajaran MOOC akan memudahkan pelajar semasa menyambung pengajian kerana sudah mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri.

Kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjurkan seminar, kursus atau bengkel Blended Learning supaya semua guru diberikan pendedahan mengenai Blended Learning dan membuat pemantauan teknologi dengan menyediakan kemudahan teknologi. Kajian yang lebih terperinci diperlukan dengan menyediakan instrumen soal selidik dan mempelbagaikan jenis kursus. Selain itu, pemilihan responden berdasarkan geografis, wilayah pedalaman, pedesaan, dan perkotaan perlu juga untuk diteliti.

Rujukan

- Ariawan, I. Putu Wisna; Divayana, Dewa Gede Hendra. (2020). International Journal of Instruction, vol 13 (3). 679-698
- Bani Hidayat Mohd Shafie (2020). Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Dan 2 Covid-19. Jurnal Dunia Pendidikan. Vol. 2, No. 2, 213-221
- Daeyeoul Lee, Sunnie Lee Watson, and William R. Watson (2020). The Influence of Successful MOOC Learners' Self-Regulated Learning Strategies, Self-Efficacy, and Task Value on Their Perceived Effectiveness of a Massive Open Online Course. International Review of Research in Open and Distributed Learning. Volume 21, Number 3. 81-98
- Dimitra Theodosiadou, Angelos Konstantinidis, Christos Pappos, Nikos Papadopoulos and Eirini Marna (2017) Community of Inquiry Development in a Blended Learning Course for In-service Teachers Journal of Education and Practice Vol.8, No.2 page 62-66
- Ellis, R. A., & Bliuc, A.-M. (2016). An Exploration into first year university students' approaches to inquiry and online learning technologies in blended environments. British Journal of Educational Technology, 47(5), 970-980.
- Ellis, R. A., & Bliuc, A.-M. (2019). Exploring new elements of the student approaches to learning framework: The Role of online. The Internet & Higher Education, 40, 12-19
- Gilly Salmon, Ekaterina Pechenkina, Anne-Marie Chase and Bella Ross (2017). Designing Massive Open Online Courses to take account of participant motivations and expectations. British Journal of Educational Technology. Vol 48 No 6. 1284-1294
- Han, F., & Ellis, R. A. (2020a). Personalised learning networks in the university blended learning context. Comunicar, 62(1), 19-30.
- Han, F., & Ellis, R. A. (2021). Predicting Students' Academic Performance by Their Online Learning Patterns in a Blended Course: To What Extent Is a Theory-driven Approach and a Data-driven Approach Consistent? Educational Technology & Society, 24 (1), 191-204
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), (2021). Vaksin Covid-19. Diperoleh dari <http://covid-19.moh.gov.my/>
- Laman Sesawang OpenLearning (2021). Rekod Pembelajaran Kursus Reka Bentuk Pembelajaran Teradun. Diperoleh dari <https://www.openlearning.com/>
- Meina Zhu, Curtis J. Bonk & Min Young Doo (2020). Self directed Learning in MOOCs: Exploring the Relationships among Motivation, Self monitoring, and Self management. Education Tech Research Dev. 68. 2073-2093
- Munirah Salleh, Mohd Faisal Jamaludin, Noor Syaheeda Mohd Safie, Julia Mohd Yusof (2021). Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 3, No. 1. 374-384.
- Nor Aziah Abdul Aziz, & Mohd Taufik Hj Ahmed. (2016). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPG Kampus Ipoh. Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 11, 116-130
- Nur Amanina Haziqah Abdul Halim dan Nor Hafizah Adnan (2020). Implementasi Video Pengajaran Dalam Pembelajaran HTML Melalui Massive Open Online Courses (MOOCs). Jurnal Dunia Pendidikan. Vol. 2, No. 2, 205-212
- Olga Pilli and Wilfried Admiraal. (2017). Students' Learning Outcomes in Massive Open Online Courses (MOOCs): Some Suggestions for Course Design. Yükseköğretim Dergisi (Journal of Higher Education); 7(1). 46-71
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2021). Kes Covid di Malaysia. Diperoleh dari <https://COVID-19.who.int/>
- Phie Chyan. (2021). Perancangan Learning Management System Sebagai Pendukung

- Pembelajaran Jarak Jauh. RABIT : Jurnal Teknologi dan Sistem Informasi Univrab
Volume 6 No. 1. 7-13
- Rajiv Mahajan, Piyush Gupta and Tejinder Singh (2019). Massive Open Online Courses: Concept and Implications. *Indian Pediatrics*, Volume 56. 486-495
- Robert Heinich, Michael Molenda, James D. Russell (1992). *Instructional Media and the New Technologies of Instruction 4th Edition*. Macmillan Coll Div
- Rosfazliszah Zahit, Nurul Shida Noni (2020). Keberkesanan Perbincangan Atas Talian Dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, Vol 1, No. 1.26-33
- Surya Ali Imron (2021). Rancang Bangun E-learning Mata Pelajaran Bahasa Inggris Kelas VII Berbasis Web. *Seminar Nasional Teknologi Informasi dan Komunikasi-2021*. 225-239
- Waleed Al-Rahmi, Ahmed Aldraiweesh, Noraffandy Yahaya, Yusri Bin Kamin & Akram M. Zeki (2019). Massive Open Online Courses (MOOCs): Data on Higher Education. *Elsivier Journal*, 118-125
- Wei Wanga, Lihuan Guob, Ling Hea and Yenchun Jim Wu (2019). Effects of social-interactive engagement on the dropout ratio in online learning: insights from MOOC. *BEHAVIOUR & INFORMATION TECHNOLOGY*. VOL. 38, NO. 6..621–636
- Wiratama Darmawan, Dedi Kuswandi and Henry Praherdhiono (2020). Pengaruh Blended Learning Berbasis Flipped Classroom pada Mata Pelajaran Prakarya Terhadap Hasil Belajar Siswa Kelas X SMK. *Jurnal Kajian Teknologi Pendidikan*. Volume 5, No 1, 170-179
- Yang Liu. (2021) Blended Learning of Management Courses Based on Learning Behaviour Analysis. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*. Vol. 16, No. 09. page 150-1